

04 JUN 2004

MITV-LANCAR

MITV, TV BAYAR KEDUA M'SIA MULAKAN KHIDMAT MENJELANG AKHIR DIS

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- MiTV, pengendali TV berbayar Malaysia kedua yang dikendalikan oleh sekumpulan pengusaha Bumiputera, dijangka melancarkan perkhidmatannya menjelang akhir Dis tahun ini, dengan menawarkan kira-kira 50 saluran televisyen.

Pengasas dan timbalan pengerusi, Datuk Rosman Ridzuan hari ini berkata, perkhidmatan itu akan memulakan liputan di kawasan Lembah Klang dan akan melebarkan perkhidmatannya ke seluruh negara dalam tempoh 18 bulan selepas pelancarannya.

Rosman, yang juga ketua pegawai eksekutif MiTV, memjanjikan para pelanggan bahawa "kebanyakan daripada kira-kira 50 salurannya adalah baru dan belum disiarkan di Malaysia."

"Sememangnya akan ada pertindihan saluran seperti sukan dan berita, di mana hanya sedikit dominasi jenama (dengan kandungan yang relevan kepada Malaysia)," katanya pada sidang berita di sini.

MiTV adalah 40 peratus dimiliki Rosman, 44 peratus oleh syarikat milik keluarga Tan Sri Vincent Tan dan bakinya oleh individu Bumiputera yang lain.

Rosman berkata, Tan adalah "syarikat penyelamat" yang bersetuju melabur atas kedudukan peribadinya dalam MiTV disebabkan keupayaan kewangan terhad dalam mengkomersilkan perkhidmatannya.

Katanya, beliau dan beberapa individu Bumiputera yang lain berupaya meyakinkan Tan untuk ikut serta di dalam projek yang dijangka berdaya maju itu kerana mereka pada awalnya mendapat kesukaran mendapatkan pembiayaan daripada bank.

Walaupun Tan mempunyai pegangan yang agak besar, beliau difahami telah memberikan Rosman dan pemegang saham yang lain kebebasan untuk mengendalikan syarikat itu.

Tan adalah pengerusi MiTV.

Sumber-sumber yang rapat dengan urusan niaga itu menyatakan bahawa bekas Perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad telah meminta sekumpulan ketua korporat untuk melabur dalam projek itu.

Rosman berkata, MiTV hanya perlu mendapat 180,000 pelanggan untuk mendapat pulangan modal disebabkan teknologinya diperolehi daripada negara ini sendiri yang berkesan kos.

Rosman berkata, pihaknya juga berhasrat untuk menyenaraikan MiTV di Mesdaq secepat mungkin kerana ianya praktikal bagi orang Malaysia mengambil bahagian "dalam kejayaan masa depan kami."

Katanya, MiTV akan menggunakan platform teknologi Televisyen Protokol Internet (IPTV) yang dimajukan dalam negara ini sendiri, menggunakan pengedaran "Ultra High Frequency (UHF)."

Para penganalisis berkata langkah mempunyai dua TV berbayar akan menyelesaikan masalah monopoli yang dikuasai oleh Astro dan ini sekaligus meliberalisasikan industri media sejajar dengan dasar yang dinyatakan kerajaan.

-- BERNAMA

ZUZ MR FR AHM